

Atasi serangan siber

Diskusi
ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

APAKAH jenis serangan siber yang kerap berlaku dan bagaimana untuk mengatasinya?

- Muhammad, KL.

Pada hari ini, persekitaran siber yang lebih terbuka dari segi capaiannya dengan penggunaan pelbagai jenis gajet atau peranti memudahkan mengundangnya berlaku serangan siber terutama untuk sesebuah organisasi.

Seterusnya dibincangkan berapa jenis serangan yang kerap berlaku dan berjaya beserta dengan cara untuk menanganinya.

1 *Malware* berasaskan kejuruteraan sosial - Serangan siber jenis ini dimonopoli oleh serangan *Ransomware* yang mengenkrip data bersamanya. Pengguna akhir diperdaya untuk menjalankan program kuda *Trojan* menerusi pelayaran mereka terhadap laman sesawang (*web*) yang kerap dicapai dan dipercayai. Sebaliknya laman sesawang tersebut telah dikompromi dengan kod *Malware*.

Tindakan: Pendidikan kepada pengguna akhir berkenaan capai dengan betul dan selamat bagi sesebuah laman sesawang sangat penting. Pastikan juga perisian keselamatan dikemas kini dan beraksi untuk mengekang operasi sebarang *Malware*.

2 Serangan penipuan kata laluan atau *phising* - Kebanyakan serangan jenis ini menggunakan kaedah *e-mail spam* kepada pengguna akhir yang seterusnya membuatkan pengguna membalas e-mel atau mencapai laman web dengan kata laluannya.

Tindakan: Sekali lagi, pendidikan kepada pengguna akhir dalam mencapai e-mel dengan betul dan selamat. Seterusnya, perlu diperkuat keselamatan bagi pelayar sesawang dan pengaktifan perisian keselamatan seoptimum yang mungkin. Kaedah pengesahan dua faktor juga dapat membantu mengekang serangan ini.

3 Serangan perisian yang tidak dikemas kini atau *unpatched* - Kebanyakan serangan jenis ini berlaku kepada program tambahan atau *adds-on* bagi pelayar web seperti aplikasi Flash dan sebagainya iaitu aplikasi ini biasa digunakan oleh pengguna akhir.

Tindakan: Pastikan pemasangan program tambahan dan tempelan pada pelayar sesawang dilakukan dengan sempurna dan didapati daripada sumber yang selamat. Lakukan kemas kini terkini kepada semua perisian atau aplikasi yang digunakan.

4 Serangan ancaman media sosial - Serangan jenis ini menggunakan penyamaran akaun media sosial atau permintaan pemasangan aplikasi tertentu.

Tindakan: Pendidikan kepada pengguna akhir berkenaan capai dan guna dengan betul dan selamat bagi sesebuah laman web sosial. Pastikan juga perisian keselamatan dikemas kini dan beraksi untuk mengekang operasi sebarang *Malware*.

5 Serangan *Advanced Persistent Threat (APT)* - Serangan siber jenis ini banyak menggunakan kaedah serangan *phising* atau *Trojan* berasaskan kejuruteraan sosial.

Tindakan: Pendidikan kepada pengguna akhir berkenaan capai dan guna dengan betul dan selamat bagi sesebuah laman sesawang dan e-mel. Pastikan juga perisian keselamatan dikemas kini dan beraksi untuk mengekang operasi sebarang *Malware*.